

Headline	Aksigimikmen/elang Standard Chartered KL Marathon	Language	Malay
Date	13 Apr 2010	Page No	N30
MediaTitle	Sinar Harian	Article Size	105 cm²
Section	Sukan	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	420
Frequency	Daily	PRValue	1,260
Circ / Read	60,000 /		



Aksi gimik menjelang Standard Chartered KL Marathon

KUALA LUMPUR - Kira-kira 50 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan Bank Standard Chartered, berlari meredah panas terik di tengah-tengah kesibukan waktu makan tengah hari di sini, melalui Jalan Bukit Bintang tanpa menghiraukan perhatian orang ramai semalam.

Aksi mereka merupakan satu daripada gimik menjelang Standard Chartered KL Marathon yang akan diadakan pada 27 Jun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif bank itu Osman Morad berkata gimik itu melambangkan semangat orang muda yang bertenaga yang ingin ditunjuk-

kan bank itu bagi menandakan bahawa acara maraton itu kini memasuki edisi kedua tahun ini.

"Kami jangka acara ini akan menjadi lebih hebat dan besar. Kami menyasarkan 18,000 pelari dari 25 negara berbanding hanya 12,000 tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas acara itu.

Osman berkata setakat ini 5,700 orang termasuk 1,000 pekerja Standard Chartered telah mendaftar untuk menyertai maraton itu.

Katanya maraton itu juga akan mengumpul dana bagi lima pertubuhan amal iaitu Tabung Amanah

Standard Chartered, Malaysian Aids Foundation, Malaysian Association for the Blind, National Cancer Society Malaysia dan Yayasan Anak Warisan Alam.

Marathon itu terbahagi kepada tujuh kategori iaitu marathon penuh (kategori terbuka dan veteran), separuh maraton (terbuka dan veteran), 10km (lelaki dan wanita), 10km cabaran korporat, 5km (Fun Run dan Larian Keluarga) dan larian kanak-kanak (3km dan 850meter).

Untuk maklumat lanjut, peserta yang berminat boleh melayari laman web www.kl-marathon.com.